

itu bergerak dengan leluasa bererti membiarkan kekuasaan itu akan menjadi ganti penjajah yang ada sekarang-lebih ganas dan lebih merbahaya khususnya kepada umat Islam di sini. Apakah Dr Burhanuddin lupa dan melupakan kedudukan bagaimana pemuda-pemuda mereka diadun sebegitu rupa sehingga bukan sahaja membelakangkan agama tetapi juga sudah keluar daripada agama?

Kita masih menyangka bahawa pengertian Dr serupa ini bukanlah pengertian PAS seluruhnya dan sebab itu kita berharap dewan pimpinan PAS mengadakan *correction* terhadap langkah Dr. Sekiranya tidak maka harus umat Islam lain yang di luar daripada PAS akan tidak mengerti bagaimana sebuah pertubuhan Islam seperti PAS itu tidak tegas dan tidak jitu perjuangannya mengikut ajaran-ajaran yang ditunjukkan oleh Muhammad bin Abdullah (SAW) yang diperintahkan oleh Tuhan supaya tegas kepada orang-orang *kufār* dan berkasih sayang kepada kaum Muslimin. Kalau di dalam perdirian seperti ini PAS tidak tegas bermakna bahawa perjuangan PAS masih samar-samar- meletakkan musuh dalam selimut sendiri yang dalam suatu masa akan mencekik kita dengan kita tidak sedari. Mudah-mudahan Allah memberi taufik kepada lingkungan PAS untuk mengikut ajaran-ajaran Tuhan tidak ajaran yang masih dialirkan dalam kebangsaan yang harus masih mendalam dalam jiwa Dr yang dahulunya sebagai pemimpin kebangsaan dan sekarang sebagai pemimpin agama.

\* \* \*

### **“Komplotan” dalam Dewan Bahasa**

Dewan Bahasa dan Pustaka tercipta ialah daripada

keputusan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga sedikit haribulan dahulu. Keputusan ini telah diterima oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menerusi Kementerian Pelajaran Dato' Abdul Razak. Orang yang pertama menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu ialah Ungku Aziz sendiri dan lantikan itu adalah disambut dengan baik khususnya oleh sekalian keluarga kongres.

Salah satu harapan yang besar dengan adanaya Dewan Bahasa dan Pustaka itu tidak lain dan tidak bukan ialah untuk melancarkan tujuan-tujuan supaya Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu dan sudah barang tentu dalam pelaksanaan ini saluran yang akan berguna tidak lain dan tidak bukan melainkan Dewan Bahasa dan Pustaka itu menyempurnakan kehendak-kehendak masyarakat di negeri ini. Selain daripada tugas tersebut maka tidak dapat disembunyikan pula hasrat penduduk-penduduk negeri ini untuk mencari jalan supaya ada persamaan persuratan di antara Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia dan kerana itu telah direka ejaan baharu yang disampaikan pula ke Indonesia supaya perselisihan pengertian dalam tulisan itu dapat disesuaikan dan dilaksanakan dalam jangka pendek di antara Tanah Melayu dan Indonesia menulis dalam satu cara tulisan.

Sebab itu tugas Dewan Bahasa untuk menyalurkan kehendak-kehendak kongres itu sangat besar. Tetapi malangnya bahawa untuk melaksanakan itu, terutamanya di dalam negara yang belum merdeka ini, adalah sangat sulit kerana banyak halangan-halangan yang timbul sama ada dari pihak penjajah atau dari pihak anak-anak dagang terutamanya untuk menyatukan bahasa dan persuratan di antara Persekutuan Tanah Melayu dan Indonesia.

Tuduhan ini harus tidak dapat dibuktikan dengan sewajarnya tetapi keadaan yang kita lihat sukar pula untuk menafikan akan halangan-halangan yang timbul dalam melaksanakan cita-cita itu.

Hal ini lebih terbukti lagi apabila segala rancangan yang dikemukakan oleh Ungku Aziz nampaknya tidak diterima dan kerana itulah Ungku Aziz, daripada keterangan-keterangan yang kita baca, meletakkan jawatannya daripada menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu.

Keberhentian Ungku Aziz itu menimbulkan dua pendapat: Yang satu menyetujui langkah Ungku Aziz meletakkan jawatan kerana apalah ertiannya segala rancangan yang hendak dijalankan kalau tidak dapat dilaksanakan mengikut sebagaimana mestinya. Pendapat yang kedua menyatakan bahawa tidak pada saatnya Ungku Aziz meletakkan jawatan itu, sepatutnya Ungku Aziz menerima apa yang ada dahulu sehingga sampai saat Malaya merdeka nanti baharulah mengadakan tuntutan-tuntutan yang semestinya yang dikehendaki oleh rakyat, kerana masing-masing mengetahui bahawa pada saat ini yang berkuasa ialah penjajah yang dari dahulu kita ketahui tidak mahu adanya perhubungan rapat antara Malaya dan Indonesia; Bahkan bukan itu sahaja kita melihat bahawa segala sesuatu yang berupa Bahasa Melayu yang berharga dan yang diterima hanya yang dituliskan oleh pegawai-pegawai kerajaan atau yang dicetak oleh percetakan-percetakan di London- selain daripada itu walaupun serupa bukunya kalau dicetak di Malaya tidak akan diterima oleh Pejabat Pelajaran Persekutuan Tanah Malyu dan juga Singapura ini.

Keberhentian Ungku Aziz, menurut pandangan kita, bukan waktunya. Adanya Ungku Aziz dalam Dewan Bahasa dan Pustaka sangat perlu dan sepatutnya beliau boleh bersabar hingga Malaya merdeka nanti baharulah mengadakan

tuntutan-tuntutan kerana kalau hanya penjajahan politik yang dikenakan sedang penjajahan ekonomi tidak dihapuskan dan menutupi dalam buku-buku pelajaran daripada percetakan-percetakan di London itu sahaja sudah tentu akan membawa kerugian besar kepada umat Melayu- umat Melayu hanya menjadi alat, umat Melayu hanya perkakas pelaksana kepada cita-cita menjadikan Bahasa Melayu bahasa kebangsaan sedang hasil *mahsul* daripada usaha itu terletak di dalam tangan bangsa penjajah yang sekarang sudah mengeluarkan modal-modalnya ke dalam Tanah Melayu untuk menjajah persuratan dan Bahasa Melayu di negeri Melayu sendiri.

Sebab itu kita sangat sesalkan sekali bahawa Ungku Aziz terlambat segera meletakkan jawatannya kerana sifat Ungku Aziz di dalam jawatan itu bukan sebagai sifat seorang pegawai kerajaan yang hanya bergantung kepada kerja-kerja itu sahaja. Sifat Ungku Aziz lain daripada pegawai-pegawai itu kerana kalau Ungku Aziz tidak di dalam jawatan itu ia masih boleh berhidup sendiri untuk melaksanakan cita-cita rakyat. Kerana itu maka Ungku Aziz boleh mendatangkan segala hajat dan boleh mengadakan perlawanan secara jitu di dalam usaha-usahanya menyampaikan hasrat dan cita-cita rakyat. Tetapi kalau sebagai seorang pegawai ia hanya bergantung hidupnya kepada pekerjaannya itu sahaja- maka sudah tentu mereka tidak akan berani mengemukakan sesuatu yang banyak maslahatnya kepada rakyat- ia hanya akan tunduk kepada kehendak-kehendak yang berselaput di dalamnya maslahat-maslahat penjajah di dalam negeri ini sebab itu, kita masih sangat berduka cita bahawa Ungku Aziz keluar daripada Dewan Bahasa dan Pustaka di dalam saat-saat tenaga dan usaha beliau sangat dikehendaki untuk menegakkan atau menyampaikan cita-cita yang diambil oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang bersemboyan Bahasa Jiwa Bangsa.